

Hubungan Antara Adab-Adab Pembelajaran Tahfiz Dan Pencapaian Hafazan Pelajar Maahad Tahfiz Sains, Tanah Merah

Siti Nur Fatin Jaafar

Student, Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia
sitinurfatin9.snf@gmail.com

Mohd. Isa Hamzah

Senior Lecturer, Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia
isa_hamzah@ukm.edu.my

ABSTRAK

Pembelajaran al-Quran mempunyai adab-adab yang tertentu yang perlu diamalkan dan ditekankan dalam pelaksanaan pembelajaran tahfiz al-Quran. Hal ini kerana, institusi tahfiz telah menjadi satu fenomena di Malaysia berikutan kesedaran masyarakat tentang kepentingan membina generasi al-Quran. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti adab yang digunakan oleh pelajar dalam menghafaz al-Quran (hifz) dan mengenal pasti hubungan antara adab penghafalan al-Quran dan pencapaian hafazan. Kajian ini melibatkan 250 pelajar tahfiz di Maahad Tahfiz Sains, Tanah Merah. Soal selidik dikembangkan dari artikel Azmil Hashim et al. (2014) dan diedarkan secara rawak. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa adab penghafalan al-Quran adalah baik. Hasilnya juga menunjukkan hubungan yang signifikan antara adab menghafaz al-Quran dan pencapaian menghafal pelajar. Implikasi dari kajian ini menunjukkan bahawa unsur-unsur etika hafalan al-Quran harus diberi perhatian khusus oleh semua pihak yang berkaitan. Dengan kata lain, untuk meningkatkan pencapaian pelajar dalam menghafaz al-Quran, proses penggubalan kurikulum pengajaran dan pembelajaran tahfiz mesti dititikberatkan.

Kata kunci: adab, pembelajaran tahfiz, menghafaz, pencapaian hafazan

ABSTRACT

Learning al-Quran has certain etiquettes that need to be practiced and emphasized in the implementation of learning tahfiz al-Quran. This is because, tahfiz institution has become a phenomenon in Malaysia due to the public awareness of the importance of building the generation of the Quran. The aim of this study was to identify the etiquette used by students in memorizing al-Quran (hifz) and identifying the relationship between etiquette of memorization al-Quran and hifz achievement. This study involved 250 tahfiz students in the Maahad Tahfiz Sains, Tanah Merah. Questionnaires were developed from the article Azmil Hashim et.al (2014). Data were analyzed descriptively using mean, standard deviation and percentage. The differences and relationship of inferential data were analyzed using t-test and Pearson correlation. The results of this study showed that the etiquette of memorization of al-Quran was good. The results also showed a significant correlation between the etiquette of memorizing al-Quran and student memorizing achievement. The implication of this study suggested that the elements of memorization al-Quran etiquette should be given special attention by all related parties. In other words, to

improve student achievement in memorizing al-Quran, process of drafting the curriculum of teaching and learning tahfiz must be emphasized.

Keywords: etiquettes, learning tahfiz, memorizing, hifz achievement

1.0 PENGENALAN

Maahad Tahfiz Sains telah ditubuhkan pada tahun 2004 oleh Kerajaan Negeri Kelantan di bawah pengelolaan Yayasan Islam Kelantan (YIK). Ia adalah hasil cetusan Y.A.B Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat dengan hasrat untuk menyepadukan ilmu wahyu dengan ilmu waqi'e. Maahad Tahfiz Sains Tanah Merah adalah Maahad Tahfiz Sains yang pertama dengan pengambilan pelajar pertamanya seramai 120 orang. Langkah tersebut kemudiannya diikuti oleh Kerajaan Negeri lain seperti penubuhan Sekolah Menengah IMTIAZ di Terengganu, Sekolah Integrasi Maahad Tahfiz Sains Bandar Istana Selangor (2008), Institut Tahfiz al-Quran Negeri Sembilan (ITQAN) dan Maahad Tahfiz Pahang (1996). Pihak MARA turut mengambil langkah yang sama dengan memperkenalkan Maktab Rendah Sains MARA Tahfiz di Besut Terengganu (Noor Hisham Md Nawawi et al. 2014).

Allah telah memuji dan menyanjung tinggi kepada orang yang menghafaz al-Quran dengan memberi penghormatan dan gelaran yang mulia seperti pilihan Allah (Fathir 35:32), orang yang telah diberi ilmu (al-Ankabut 29:45) dan penjaga keaslian al-Quran (al-Hijr 15: 9). Kaedah hafazan merupakan kaedah yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w dalam mengajar al-Quran kepada para sahabat malah Rasulullah menerima wahyu dengan kaedah yang sama melalui perantaraan Jibrail a.s. Pemeliharaan al-Quran berlaku melalui tiga faktor utama iaitu talaqqi dan musyafahah, hafazan dan penulisan al-Quran (Azmil Hashim et al. 2014).

2.0 PERMASALAHAN KAJIAN

Para ulama telah menulis banyak buku tentang masalah ini dan membahas secara mendalam. Imam an-Nawawi r.h.m turut menyumbang dengan menghimpunkan dan meringkaskannya ke dalam buku yang bertajuk 'Mukhtaarut Tibyaan' atau "Adab kepada al-Quran". Adab ialah tingkah laku serta tutur kata yg halus atau cara seseorang berkelakuan dlm sesuatu situasi tertentu (Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat). Adab mempunyai kaitan rapat dengan proses pembangunan pendidikan individu dalam mengubah tabiat dan tingkah laku berteraskan kesepaduan iman dan amalan akhlak mulia. Rasulullah S.A.W. merupakan qudwah hasanah di dalam semua aspek termasuk adab dan akhlak mulia (Zainora Daud et al. 2016). Baginda berjaya mendidik para sahabat sehingga generasi tersebut dikenali sebagai generasi al-Quran yang benar-benar memahami tuntutan agama sehingga sanggup korbakan apa yang dimiliki untuk Allah semata.

Pembelajaran al-Quran mempunyai adab-adab yang tertentu yang perlu diamalkan dalam pelaksanaan pembelajaran tahfiz al-Quran. Tanpa niat yang ikhlas dan tuntutan syariat tidak ditepati, maka proses pembelajaran hafazan al-Quran sebagai satu ibadah menjadi sia-sia. Oleh yang demikian, Azmil Hashim et al. (2014) menjelaskan adab-adab sebelum menghafaz al-Quran yang ditegaskan oleh Abu al-Wafa (1999) dan Al-Adandani (2003), bahawa seorang pelajar yang ingin menghafaz al-Quran seharusnya bertakwa kepada Allah, ikhlas niat, menjauhi riya' dan sum'ah serta tidak mengharap pujian dan gelaran al-qari atau al-hafiz daripada manusia (Ramadhan Hakim 2008).

Menurut Zainora Daud et al. (2016), dapatan kajian daripada Ahmad Syamil Ikhwan (2014) menunjukkan 30% para huffaz menghadapi kesukaran dalam menghafaz al-Quran. Hal ini demikian kerana mereka terlibat dengan perkara negatif seperti menghisap rokok, tidak

menghormati guru, tidak komited dengan kelas hafazan dan tidak menjaga batasan pergaulan antara lelaki dan perempuan.

Hasil kajian Zainora Daud et al. (2016) menunjukkan bahawa 30% responden kajiannya dalam kalangan pelajar tahfiz hanya mampu menghafaz juz satu hingga lima sahaja walaupun berada di tingkatan 4 dan 5. Manakala 36.25% telah berjaya menghafaz lebih daripada juz 15. Hal ini menunjukkan, lebih ramai pelajar tahfiz yang menekankan adab dan akhlak dalam proses menghafaz dan mengukuhkan hafazan. Secara keseluruhannya, terdapat hubungan baik antara konsep Hamalah al-Quran dalam kalangan huffaz dari perspektif adab dan akhlak. Walaupun demikian, beliau menyatakan pelajar tahfiz yang terlibat dengan akhlak-akhlak mazmumah perlu diberi perhatian oleh pihak berwajib walaupun hanya sebilangan kecil sahaja. Manakala Azmil Hashim et al. (2014) pula membuktikan daripada hasil kajiannya bahawa terdapat hubungan yang sangat signifikan antara adab-adab pembelajaran tahfiz dengan pencapaian al-Quran. Adab-adab pembelajaran tahfiz ialah sentiasa ikhlas, sentiasa berwuduk, menghadap kiblat, membaca doa khusus hafaz al-Quran, adab menghormati guru tahfiz, bersabar dalam menghafaz, bergaul dengan golongan huffaz, menjaga pemakanan halal, menjaga pemakanan berkhasiat, menjauhi perkara syubhat, menjaga solat berjemaah, menjauhi maksiat, menjauhi perkara makruhah dan mengamalkan amalan sunat sehingga menjadi gaya hidup (Zainora Daud et al. 2016).

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji hubungan antara adab-adab pembelajaran tahfiz dan pencapaian hafazan pelajar Maahad Tahfiz Sains, Tanah Merah.

3.0 PERSOALAN KAJIAN

Antara persoalan kajian ialah :

1. Apakah adab-adab pembelajaran pelajar Maahad Tahfiz Sains, Tanah Merah, pencapaian hafazan pelajar dan demografi responden?
2. Apakah terdapat perbezaan adab-adab pembelajaran tahfiz dengan pencapaian sukatan?
3. Apakah hubungan antara adab-adab pembelajaran tahfiz dengan pencapaian hafazan pelajar?

4.0 HIPOTESIS KAJIAN

Kajian ini mempunyai beberapa hipotesis-hipotesis seperti berikut:

Ho1. Tidak terdapat perbezaan adab-adab pembelajaran pelajar tahfiz al-Quran berdasarkan pencapaian sukatan.

Ho2. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara adab-adab pembelajaran pelajar dengan pencapaian hafazan pelajar.

5.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan soal selidik kerana kajian ini bersesuaian dengan teknik tinjauan (Robson 2016). Reka bentuk kajian kuantitatif dipilih untuk mengenal pasti hubungan antara adab-adab pembelajaran tahfiz dan pencapaian hafazan pelajar Maahad Tahfiz Sains, Tanah Merah Kelantan.

Kajian ini telah dijalankan di salah sebuah maahad kawalan di bawah pengelolaan Yayasan Islam Kelantan, iaitu Maahad Tahfiz Sains, Tanah Merah. Bilangan populasi murid perempuan iaitu 650 orang, seramai 250 orang telah dipilih menjadi responden kajian. Berdasarkan persampelan Krejcie dan Morgan (1970), sampel bagi responden yang mempunyai populasi 650 orang, bilangan minimum saiz sampelnya ialah 242 orang. Bagi

mengelakkan kemungkinan berlakunya soal selidik yang tidak sempurna atau responden tidak memulangkannya, maka pengkaji mengedarkan borang soal selidik kepada 250 orang responden.

Namun begitu, berlakunya soal selidik yang tidak sempurna atau responden tidak memulangkannya, maka jumlah sampel responden yang terlibat adalah seramai 228 orang sahaja. Walau bagaimanapun, saiz sampel yang melebihi 30 orang memadai untuk mendapatkan taburan persampelan min normal berdasarkan Teori Teorem Memusat. Aras signifikan yang ditetapkan dalam kajian ini adalah $\alpha = 0.05$.

Bagi memudahkan proses pemerolehan data untuk kajian ini, instrumen soal selidik telah dipilih. Soal selidik diadaptasi daripada kajian Azmil Hashim et al. (2014). Dalam kajian ini penyelidik telah memilih untuk menggunakan teknik pemungutan data secara skala jawapan jenis Likert lima mata sebagai skala jawapan responden terhadap semua pernyataan yang digunakan dalam instrumen kajian ini. Skala Likert adalah sesuai digunakan bagi mengukur pandangan yang diberikan oleh responden dalam ruang tertentu secara berterusan tentang suatu amalan persepsi dan sikap (Cohen, Manion & Morrison, 2002).

Kebolehpercayaan item-item dalam soal selidik ini, satu analisis data telah dilakukan untuk mendapatkan nilai alpha Cronbach. Didapati instrumen soal selidik pelajar ini mempunyai kebolehpercayaan yang bagus, iaitu nilai alpha Cronbach 0.899 seperti ditunjukkan dalam jadual 1. Berdasarkan jadual 2 ini menunjukkan bahawa instrumen tersebut mempunyai kebolehpercayaan yang bagus (Ahmad Sarji Abdul Hamed t.th).

Jadual 5.1 : Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	N of Items
.899	20

Jadual 5.2: Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan

Indikator	Nilai alpha Cronbach
Sangat Tinggi	$a > 0.9$
Bagus	$0.7 < a < 0.9$
Diterima	$0.6 < a < 0.7$
Lemah	$0.5 < a < 0.6$
Tidak diterima	$a < 0.5$

Sumber: Mohsen Tavakol and Reg Dennick (2011)

Proses penganalisaan data-data kuantitatif ini dilakukan secara deskriptif melalui analisis berkomputer menggunakan perisian Statistical Product and Service Solutions Version 23.0. Statistik deskriptif yang digunakan ialah frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai. Penyelidik menghuraikan analisis deskriptif ini dengan menggunakan jadual interpretasi min tingkah laku afektif yang telah dirumuskan oleh Nunally (1978) seperti di jadual 3. Interpretasi terhadap min disusun mengikut turutan menurun dari min yang paling tinggi hingga kepada min yang paling rendah (Ahmad Hashim 2014; Ahmad Sarji Abdul Hamed t.th; Muhamad Amin 2015; Zulkarnain Lubis & Abdullah Osman 2015).

Jadual 5.3: Interpretasi Min Dimensi Tingkah Laku Afektif

Skor min	Interpretasi
4.01-5.00	Tinggi
3.01-4.00	Sederhana Tinggi
2.01-3.00	Sederhana Rendah
1.01-2.00	Rendah

Sumber: Stufflebeam (1971)

Selain itu, teknik penganalisaan data statistik inferensi digunakan untuk mendapatkan inferens daripada statistik sesuatu sampel bagi seluruh populasi. Prosedur Independent-Samples T Test telah digunakan bagi menguji aras keertian perbandingan skor min untuk pemboleh ubah bebas iaitu capai sukatan atau tidak. Pekali korelasi telah digunakan untuk mengukur kekuatan korelasi antara dua pemboleh ubah bersandar dengan prosedur Bivariate Correlations. Dalam hal ini, model korelasi Pearson telah digunakan kerana pemboleh ubah bersandar yang diuji menggunakan skala sela seperti ditunjukkan di jadual 4 (Ahmad Hashim 2014; Ahmad Sarji Abdul Hamed t.th; Muhamad Amin 2015; Zulkarnain Lubis & Abdullah Osman 2015).

Jadual 5.4: Nilai Pekali Korelasi

Koefisien	Kekuatan hubungan
0.01 – 0.20	Sangat kecil
0.21 – 0.40	Kecil
0.41 – 0.60	Sederhana
0.61 – 0.80	Besar
0.81 – 1.00	Sangat besar

Sumber: Alias Baba (1992)


6.0 DAPATAN KAJIAN

6.1 Analisis Statistik Deskriptif

Analisis deskriptif dilakukan oleh pengkaji untuk membuat kesimpulan data yang diperoleh dalam maklumat demografi responden, latar belakang pendidikan awal al-quran dan dua konstruk soal selidik. data kategori menggunakan frekuensi dan data sela atau nisbah menggunakan deksriptif

6.1.1 Pencapaian Sukatan

Berdasarkan Rajah 1 ,seramai 139 (61%) orang pelajar daripada 288 orang responden tidak mencapai sukatan hafazan al-Quran semasa. Hanya 88 orang (38.6%) berjaya mencapai sukatan semasa. Hal ini menunjukkan bahawa lebih ramai pelajar tidak mencapai sukatan berbanding berjaya mencapai sukatan.



Rajah 6.1: Carta Bar Pencapaian Sukatan Hafazan al-Quran Semasa

6.2 Adab-adab Pembelajaran Tahfiz Al-Quran


Dapatan kajian menunjukkan min keseluruhan adab-adab di dalam pembelajaran tahfiz al-Quran dari persepsi pelajar mencatatkan min 2.68 dan sisihan piawai 0.86. Jadual 5 menunjukkan min, sisihan piawai, dan interpretasi min adab-adab dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran dari persepsi pelajar. Dapatan menunjukkan bahawa 14 item bagi konstruk A iaitu tujuh item adab-adab dalam pembelajaran tahfiz mencatatkan interpretasi min pada tahap tinggi dan tujuh item mencatatkan interpretasi min pada tahap sederhana tinggi.

Jadual 6.1: Adab-adab Dalam Pembelajaran Tahfiz Al-Quran

Adab-Adab Pembelajaran Tahfiz	N	Mean	Sisihan Piawaian	Interpretasi
Saya sentiasa menghormati guru tahfiz sama ada di dalam atau luar kelas	227	4.04	.822	Tinggi
Penjagaan tentang makanan dan minuman halal membantu saya menghafaz dan mengekalkan hafazan saya	227	4.30	.871	Tinggi
Saya sentiasa berusaha dan bersabar dalam menghafaz	227	4.19	.849	Tinggi
Saya sentiasa memastikan bacaan al-Quran dengan penuh tartil & bertajwid	228	4.05	.833	Tinggi
Saya sentiasa ikhlas menghafaz Al-Quran	227	4.07	.890	Tinggi
Menjaga pemakanan berkhasiat membantu saya menghafaz dengan mudah	227	4.05	.994	Tinggi
Sebelum menghafaz saya sentiasa membaca doa khusus hafazan al-Quran	227	4.30	.971	Tinggi
Saya sentiasa menjauhi perkara syubhat.	224	3.74	.896	Sederhana Tinggi
Saya sentiasa menjaga solat fardhu berjemaah	228	3.76	.961	Sederhana Tinggi

Penjagaan pancaindera dari melakukan perkara maksiat dan lagha membantu saya mengekalkan hafazan.	228	3.90	1.078	Sederhana Tinggi
Sebelum menghafaz saya sentiasa memastikan dalam berwuduk	226	3.32	.965	Sederhana Tinggi
Saya sentiasa berusaha menjauhi perkara makruh	227	3.64	.960	Sederhana Tinggi
Sebelum menghafaz saya memastikan menghadap ke arah kiblat	228	3.09	.925	Sederhana Tinggi
Saya sentiasa berusaha memperbanyakkan amalan sunat	225	3.82	.894	Sederhana Tinggi
MIN KESELURUHAN		2.68	0.86	Sederhana Rendah

Berdasarkan dapatan kajian, para pelajar amat menitik beratkan terhadap pemeliharaan adab-adab ini. Pelajar hanya kurang memperbanyak amalan-amalan sunat. Namun adab-adab yang lain amat diberi perhatian oleh pelajar iaitu adab menghormati guru tahfiz, menjaga pemakanan halal, bersabar dalam menghafaz, bergaul dengan golongan huffaz, sentiasa ikhlas, menjaga pemakanan berkhasiat dan membaca doa khusus hafaz al-Quran.



Rajah 6.2: Carta Bar Kekerapan Adab Pembelajaran Tahfiz

Berdasarkan carta bar di atas (Rajah 2) dapat dilihat bahawa kekerapan adab pembelajaran tahfiz berselerak di sebelah kiri dan kanan tetapi mengumpul di bahagian tengah. Ini bermaksud, para responden yang terdiri daripada pelajar perempuan Maahad Tahfiz Sains Tanah Merah bersetuju pada mata 3 daripada 5 mata dalam skala sela seramai 105 orang (46.1%) berbanding skala sela mata 2 iaitu 65 orang (28.5%).


6.3 Pencapaian Hafazan Pelajar

Skor min keseluruhan bagi konstruk B berada pada tahap sederhana rendah (min=2.94,sp=1.10) dengan enam item iaitu 15,16,17,18,19 & 20 seperti jadual 6.

Jadual 6.3: Pencapaian Hafazan Pelajar

Pencapaian Hafazan Pelajar	N	Min	Sisihan Piawaian	Interpretasi
Saya sentiasa berusaha menghafaz satu muka surat setiap hari	228	4.52	.799	Tinggi
Saya berjaya tasmi' satu muka surat setiap hari	226	4.15	1.039	Tinggi
Saya dapat menghafaz dan tasmi' lebih satu muka surat setiap hari	227	3.68	1.275	Sederhana Tinggi
Penguasaan bacaan tajwid saya semakin bertambah baik	228	4.24	.834	Tinggi
Penguasaan hafazan saya semakin bertambah baik	227	4.17	.898	Tinggi
Saya dapat menyelesaikan tugas cuti yang diberi oleh ustazah dengan baik	228	3.40	1.034	Sederhana Tinggi
MIN KESELURUHAN		2.94	1.10	Sederhana Rendah

Berdasarkan dapatan kajian, pelajar amat menitikberatkan pencapaian hafazan setiap masa iaitu berusaha menghafaz satu muka surat setiap hari (154, 67.5%), dapat tasmi satu muka surat setiap hari (108, 47.8%), menguasai tajwid (101, 44.3%) dan penguasaan hafazan (100, 43.9%). Walaupun demikian, pelajar kurang memberi perhatian kepada tugas cuti yang diberikan oleh guru seperti murajaah hafazan lama mahupun hafazan baru dan bersedia dengan modal hafazan baru. Hal ini boleh di lihat dalam Rajah 3 bahawa pelajar perempuan Maahad Tahfiz Sains Tanah Merah (80, 35.1%) kurang setuju dalam menyelesaikan tugas cuti yang diberikan kepadanya.



Rajah 6.3: Carta Bar Kekekapan Item 20

7.0 ANALISIS STATISTIK INFERENS

Setelah memastikan empat andaian statistik cukup, pengkaji meneruskan pengujian hipotesis kajian dengan ujian T-Dua Sampel Tidak Bersandar dan ujian korelasi (pearson). Empat andaian tersebut ialah taburan data normal, data bebas antara satu sama lain, varians bersifat homogen dan data berskala sela atau nisbah.

7.1 Perbezaan Skor Min Adab-adab Pembelajaran Tahfiz Al-Quran Berdasarkan Demografi Pencapaian Sukatan

Ho1. Tidak terdapat perbezaan adab-adab pembelajaran pelajar tahfiz al-Quran berdasarkan pencapaian sukatan.

Hasil analisis ujian t-dua sampel bebas bagi menguji skor min adab pembelajaran pelajar tahfiz al-Quran berdasarkan demografi pencapaian sukatan seperti jadual 7:

Jadual 7.1: Ujian-t Perbezaan Adab Pembelajaran Tahfiz berdasarkan Pencapaian Sukatan

Pencapaian sukatan	N	Min	SP	Nilai t	Sig. P
Tidak	138	2.55	8.37	-3.22	0.001
Ya	88	2.92	8.47		

Signifikan pada aras $p < 0.05$

Hasil analisis Ujian-t seperti dalam jadual 7 di atas menunjukkan nilai $t(224) = -3.22$, $p = 0.001$ adalah signifikan. Keputusan ujian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan skor min ($P = 0.001$, $p < 0.05$) adab pembelajaran tahfiz antara pelajar yang tidak mencapai sukatan ($\text{min} = 2.55$, $\text{sp} = 8.37$) dengan pelajar yang mencapai sukatan ($\text{min} = 2.92$, $\text{sp} = 8.47$). Dengan ini Ho1 adalah tertolak. Analisis ini juga menunjukkan adab pembelajaran tahfiz di kalangan pelajar mencapai sukatan adalah lebih tinggi berbanding pelajar yang tidak mencapai sukatan.

7.2 Hubungan Adab-adab Pembelajaran Tahfiz Al-Quran dengan Tahap Pencapaian Hafazan Pelajar

Analisis data secara inferensi juga telah dilakukan untuk mengenal pasti hubungan adab-adab pembelajaran tahfiz al-Quran dan pencapaian hafazan pelajar. Analisis inferensi hubungan ini telah dilakukan bagi menjawab soalan yang ketiga dalam kajian ini. Teknik Korelasi Pearson telah digunakan bagi membuat analisis inferensi perhubungan dalam kajian ini.

Ho2 Tidak terdapat hubungan antara adab-adab pembelajaran tahfiz al-Quran dengan pencapaian hafazan pelajar.

Hasil analisis korelasi Pearson untuk mengenal pasti hubungan adab-adab pembelajaran tahfiz dan pencapaian hafazan al-Quran pelajar dipaparkan dalam jadual 11 seperti berikut:

Jadual 8.1 Korelasi Adab-adab Pembelajaran Tahfiz dengan Tahap Pencapaian Hafazan Pelajar

Hubungan	r	Sig.P
Adab-adab * Pencapaian hafazan	0.481	0.000

** Korelasi adalah signifikan pada aras $p < 0.05$

N=228

Analisis korelasi Pearson bagi mengenal pasti hubungan antara adab-adab pembelajaran tahfiz al-Quran dengan pencapaian hafazan pelajar seperti dalam jadual 11 di atas menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan pada tahap sederhana ($r=0.481$, $p=0.000$, $p < 0.05$). Dengan ini H_0 adalah ditolak.

8.0 PERBINCANGAN

Secara keseluruhan, analisis statistik inferensi menunjukkan wujudnya pola perbezaan yang signifikan di antara adab-adab pembelajaran Tahfiz al-Quran dengan pencapaian sukatan. Dapatan analisis menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam adab-adab pembelajaran antara pelajar yang mencapai sukatan dan tidak yang mana pelajar yang mencapai sukatan mempunyai adab-adab pembelajaran yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar yang tidak mencapai sukatan. Ini menunjukkan bahawa adab-adab pembelajaran tahfiz yang lebih dipelihara oleh pelajar yang mencapai sukatan berbanding dengan adab-adab pembelajaran tahfiz pelajar tidak mencapai sukatan.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara adab-adab pembelajaran tahfiz dengan pencapaian hafazan pelajar. Hasil dapatan kajian juga selari dengan kajian Azmil et.al. (2014) yang menunjukkan bahawa strategi dalam pembelajaran juga mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian hafazan pelajar. Ini membuktikan bahawa adab-adab dalam pembelajaran tahfiz perlu diberi perhatian yang sewajarnya oleh semua pihak.

9.0 KESIMPULAN

Kajian ini membuktikan bahawa adab-adab pembelajaran tahfiz mempunyai hubungan yang kuat dengan pencapaian pelajar. Oleh itu, item-item adab-adab pembelajaran tahfiz perlu diberi perhatian khusus oleh semua pihak dalam merangka kurikulum pengajaran dan pembelajaran tahfiz termasuk pemimpin negara, kementerian pendidikan, masyarakat, ibu bapa, dan sekolah. Pendedahan adab-adab pembelajaran tahfiz ini juga perlu dilakukan kepada guru tahfiz dan pelajar agar dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran tahfiz agar pencapaian terhadap kualiti hafazan pelajar tercapai dengan cemerlang.

10.0 RUJUKAN

- Ahmad Hashim. 2014. Panduan Analisis Data Secara Efisien : Panduan Lengkap Berajah untuk Menganalisis Data. Bangi: Dubook Press Sdn. Bhd.
- Ahmad Sarji Abdul Hamed. t.th. Nota Ringkas Penggunaan Sistem Statistical Package For Social Sciences (SPSS) Parametrik vs Non-Parametrik.
- Alias Baba. 1992. Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains. Bangi: Penerbit UKM.
- Azmil Hashim, Misnan Jemali, Ab. Halim Tamuri & Mohd Aderi Che Noh. 2014. Hubungan Antara Adab-Adab Pembelajaran Tahfiz Dan Pencapaian Hafazan Pelajar. The Online Journal of Islamic Education. 2(2) : 73-82.

- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. 2002. *Research methods in education*. routledge.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and psychological measurement*, 30(3), 607-610.
- Muhammad Amin. 2015. *Panduan Pemula SPSS*. Kuala Lumpur: Synergy Media Sdn. Bhd.
- Noor Hisham Md Nawi, Nur Azuki Yusuff, Mohd Binyamin Che Yaacob & Nasrul Hakim Salleh. 2014. *Matlamat Dan Halatuju Sistem Pengajian Tahfiz Di Kelantan: Satu Pengamatan Awal*.
- Nunally, J. C., & Bernstein, I. H. 1978. *Psychometric theory*.
- Ramadhan Hakim. 2008. *Adab kepada al-Quran*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.
- Robson, C., & McCartan, K. 2016. *Real world research*. John Wiley & Sons.
- Tavakol, M., & Dennick, R. (2011). Making sense of Cronbach's alpha. *International journal of medical education*, 2, 53.
- Zainora Daud, Hayati Hussin, Muhammad Lukman Ibrahim, Abdul Rahim Ahmad & Nurfatimah Mohd Dzahir . 2016. *Penghayatan Konsep Hamlah Quran dari Perspektif Adab dan Akhlak dalam kalangan Huffaz : Satu Kajian untuk Pengukuhan Hafazan*. Dlm. Muhd Yakub Zulkifli Hj Mohd Yusoff & Nordin Ahmad (pnyt.). *Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran*. hlm. 202-217.
- Zulkarnain Lubis & Abdullah Osman. 2014. *Statistik dalam Penyelidikan Sains Sosial: Aplikasi & Falsafah*. Kangar: Penerbit UniMAP.